

PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



**Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang**

Dengan Kerjasama



**Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur**

JILID 1



KONSEP PEMBANGUNAN SOSIAL MENURUT PANDANGAN PEMIKIR ISLAM MODEN

FARID MAT ZAIN

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Pembangunan sosial dilihat dalam pelbagai sudut mempunyai konsep dan citra yang tersendiri. Sebahagian sarjana melihat pembangunan itu dari sudut pembangunan fizikal semata-mata dan sebahagian lain melihat pembangunan dari segi fizikal dan spiritual. Kertas kerja ini ditulis bertujuan untuk melihat sejauhmana pandangan sarjana Islam khususnya sarjana Islam abad ke-20, terhadap konsep pembangunan sosial. Pendekatan yang perlu dilakukan untuk membangunkan masyarakat serta elemen-elemen yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan sosial akan dilihat. Sarjana-sarjana Islam yang sering menulis dan mengemukakan konsep pembangunan sosial termasuklah Muhammad Abdur, Sayyid Qutb, Abu al-A'la al-Mawdudi, Yusuf al-Qardawi, Malek Bin Nabi dan sebagainya. Mereka bukan sahaja mengemukakan teori melalui tulisan dan pengucapan, malah terlibat secara langsung dalam pembangunan tersebut. Penulisan ini juga diharap dapat meneliti idea serta program pembangunan mereka dalam arus perdana pembangunan negara.

PENDAHULUAN

Pembangunan sosial dibincang dari pelbagai sudut dan kelihatan berbeza antara seorang dengan penulis lain. Walau apapun sudut yang dibincangkan, namun ia tidak terpisah daripada membicarakan persoalan manusia dan kemanusiaan. Pembangunan dari segi epistemologinya sebahagian daripada ciri ketamadun dan peradaban manusia. Ibn Khaldun seorang pelopor sosiologi Islam mengungkapkan bahawa pembangunan tidak terpisah daripada manusia kerana manusia sendiri menggambarkan makhluk membangun secara semulajadinya dan mereka sahaja yang boleh membangunkan dunia ini (Ibn Khaldun: 26). Ini menunjukkan bahawa manusia yang bertanggungjawab dan mampu membangunkan alam ini berbanding makhluk lain.

Persoalan pembangunan sosial diperjuangkan secara tidak konsisten, malah dalam sesuatu keadaan ia langsung dipinggirkan. Kebelakangan ini terutama dalam arus globalisasi banyak pihak melihat pembangunan sosial sebagai isu sampingan. Ada pihak mengerahkan perhatian sepenuhnya kepada pembangunan fizikal malah sanggup mengorbankan jiwa dan raga untuk mencapai tujuan tersebut. Dalam Islam pembangunan sosial suatu tuntutan dan utama kerana ia pemangkin sesebuah pembangunan.

Gambaran terhadap keresahan masyarakat telah dinyatakan oleh pemikir Islam, antara Sayyid Qutb dalam bukunya *Masyarakat Islam* menyatakan “Keadaan kemanusiaan dewasa ini berada dalam kegelisahan, kebingungan dan ketidak pastian mewarnai hati nuraini manusia di mana-mana baik di kalangan pengikut agama samawi mahupun di kalangan pengikut agama berhala... Hati nurani mereka tidak tenang dalam menganut ajaran, prinsip dan sistem tertentu” (Sayyid Qutb. 1978).

LATAR BELAKANG PEMIKIR ISLAM

Dalam ruang yang terhad ini kajian akan penumpukan kepada tiga tokoh pemikir moden yang hidup pada akhir abad ke-20 iaitu Sayyid Qutb, Abul A'la al-Mawdudi dan Malek Bin Nabi. Walaupun hidup sezaman namun mereka berjuang di medan yang berlainan. Sayyid Qutb berjuang di Mesir, al-Mawdudi di India dan Pakistan sementara Malek Bin Nabi di Algeria dan Syria.

Ketiga-tiga tokoh tersebut juga sempat merasai kehidupan di negara maju pada waktu itu seperti Amerika, Perancis dan Britain. Sayyid Qutb mersai pemerintahan British di Mesir kemudian sempat menziarahi dan tinggal di Amerika selama dua tahun. Al-Mawdudi di akhir hayatnya memilih Amerika sebagai pusat kegiatan. Malek Bin Nabi sempat belajar dan hidup di Perancis. Pengalaman merasai kehidupan di bawah negara maju dapat memberi gambaran yang jelas terhadap keadaan negara-negara tersebut. Di bawah ini akan dijelaskan sedikit latar belakang mereka bertujuan untuk membantu memahami serta menjelaskan lagi pemikiran dan gagasan mereka.

a. Sayyid Qutb

Sayyid Qutb lahir di Kampung Musha, daerah Asyut, Mesir pada tahun 1906 (Kashmiri 1994: 39). Mendapat pendidikan awal melalui kedua ibu bapanya kemudian menjelang usia enam tahun beliau dimasukkan ke sekolah rendah yang mengguna sukanan kementerian pendidikan (Kashmiri 1994 : 58-59).

Pada awal persekolahan berlaku kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan alam persekolahan. Namun selepas masalah tersebut berlalu, Sayyid Qutb semakin tekun dengan pelajaran. Beliau cenderung kepada kesusastraan dan dalam usia di peringkat kanak-kanak telah mampu menulis antologi sastera dan kitab tarikh. Beliau juga menghafaz secara baik $\frac{1}{4}$ al-Qur'an setelah mencecah usia sepuluh tahun. Setelah tamat sekolah beliau menyambung pelajaran di sekolah tafsir al-Qur'an hingga umurnya mencapai 12 tahun (Kashmiri 1994: 62).

Setelah tamat pendidikan rendah, pada 1925 Sayyid Qutb dihantar ke Kaherah untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Beliau memasuki *madrasah al-Mu'llimin al-Awaliyyah* hingga tamat pada 1928. Semasa di sini bapanya meninggal dunia. Namun beliau tidak patah semangat dalam meneruskan kehidupan. Keluarganya telah berpindah ke Kaherah. Pada masa ini juga berlaku kebangkitan rakyat Mesir menentang Birtish di bawah pimpinan Saad Zaghlul, pemimpin parti Wafd. Setelah tamat *madrasah al-Mu'llimin al-Awaliyyah*, pada tahun 1929 Sayyid Qutb menyambung pelajaran di Dar al-Ulum dan mendapat ijazah pada 1933 dalam Bahasa Arab dan mendapat diploma pendidikan dalam pengkhususan yang sama (Kashmiri 1994: 65).

Semasa di Dar al-Ulum ini, Sayyid Qutb semakin aktif menulis dan berkecimpung bersama dengan sasterwan negara terkenal waktu itu ialah Abbas Mahmud Aqqad. Keistimewaan penulisan Sayyid Qutb berbanding dengan teman-teman yang lain ialah kecenderungan ke arah penulisan ilmiah. Sayyid Qutb berjaya menghasilkan antologinya sendiri yang dikenali "*al-Shati' al-Majhul'*" yang mengupas mengenai permasalahan kemasyarakatan. (Kashmiri 1994: 67).

Selepas tamat pengajian di Dar al-Ulum, Sayyid Qutb dilantik menjadi guru di sekolah kementerian pendidikan. Beliau mengajar di sekolah selama enam tahun dan mengajar di beberapa buah sekolah seperti Bani Suwaip, Dimyat, Kaherah dan Hilwan.

Sayyid Qutb berkhidmat sebagai guru selama enam tahun iaitu daripada 1933-1939. Beliau kemudian dinaikkan pangkat menjadi nazir sekolah. Kemudian beliau diambil bekerja di bawah Dr. Taha Hussin yang menjadi ketua Pengarah Pendidikan Mesir. Sayyid Qutb dilantik menjadi ketua bahagian Kebudayaan dan Kesenian. Di sini beliau turut menulis buku teks khususnya mengenai Bahasa Arab sebagai rujukan di sekolah-sekolah.

Pada tahun 1948 hingga 1950 Kementerian Pendidikan telah menghantar beliau ke Amerika untuk menjalankan penyelidikan (Chairs Tripp 1995: 158). Ada pandangan mengatakan penghantaran Sayyid Qutb ke Amerika kerana bimbang kegiatan beliau yang kuat mengkritik kerajaan. Dalam pada itu beliau sempat melontarkan pandangan belau mengenai Eropah dan Amerika:

"Mereka yang hidup di sana telah tertipu dengan suasana sekitar. Mereka tertipu dengan kewujudan gereja yang banyak. Mereka merawang golongan paderi berpengaruh dalam kehidupan masyarakat, sedangkan hakikatnya kehidupan mereka langsung tidak dipengaruhi oleh gereja jauh sekali untuk mempengaruhi masyarakat. Kewujutan gereja hanya untuk upacara tertentu dan hiburan semata-mata bukan untuk ibadat" (Sulayman 1969: 23-25)

Selama dua tahun berada di Amerika, pada 1950 Sayyid Qutb kembali ke Kaherah dan pada masa yang sama meneruskan tugas sebagai pegawai penyelidikan dan mengetuai bahagian kebudayaan. Pada masa ini juga beliau berpeluang menyampaikan kuliah di Dar al-Ulum. (Kashmiri 1994: 84)

Sekembalinya Sayyid Qutb dari Amerika gakakn revolusi pimpinan Jamal Abdul Nasir semakin memuncak. Ikhwan al-Muslimin pada awalnya bekerjasama dengan Jamal Abd al-Nasir pemimpin tertinggi Majlis Pemerintah Revolusi (RCC), untuk menjatuhkan kerajaan beraja pimpinan Raja Farouq. Perhubungan Nasir-Ikhwan juga membuat Jamal Nair mengetahui rahsia pergerakan dan pengaruh Ikhwan al-Muslimin.

Setelah Jamal Abd al-Nasir memenangi revolusi tersebut, beliau berusaha menyingkirkan pengaruh Ikhwan al-Muslimin yang berpengaruh dan menggugat kuasa beliau. Ikhwan al-Muslimin kemudian berkonfrontasi dengan RCC yang masih meneruskan perhubungan dengan British. Pada masa ini tulisan Sayyid Qutb lebih tajam menyentuh keadilan sosial dan politik (Charles Tripp 1995).

Ikhwan al-Muslimin di tubuhkan oleh Hasan al-Banna pada 1929. Sayyid Qutb menyertai gerakan ini sekembalinya beliau dari Amerika. (Kashmiri 1994). Berkemungkinan beliau menyertai gerakan itu lebih awal lagi tidak dihebohkan kerana beliau sedang berkhidmat dengan kementerian pendidikan. Sayyid Qutb meletak jawatan sebagai pegawai pendidikan pada 1953 dan beliau memberi tumpuan sepenuhnya kepada gerakan Ikhwan al-Muslimin. Tambahan pula beliau dilantik mengetuai satu jawatankuasa dalam gerakan tersebut (Charles Tripp 1995 : 155).

Pada tahun 1954 Sayyid Qutb bersama beberapa pimpinan tertinggi Ikhwan al-Muslimin lain telah ditangkap atas tuduhan konspirasi membunuh Jamal Abd al-Nasir. Beliau dibicara dan dijatuhan hukuman penjara 15 tahun. Dalam penjara, beliau menulis tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* dan kitab-kitab lain seperti *al-Mustaqbal li hadha al-Din*. Sayyid Qutb berada dalam penjara selama sepuluh tahun dan dikeluarkan pada 1964. Pada tahun 1965 beliau ditangkap semula dan dijatuhan hukuman mati pada 1966. Sayyid Qutb menemui syahid pada 22 Ogos 1966 (Yvonne Y. Haddad 1983 :77-78)

b. Al-Mawdudi

Nama sebenar al-Mawdudi ialah Sayyid Abu al-A'la bin Sayyid Ahmad Hasan al-Mawdudi. Dilahirkan pada 3 Rejab 1321 hijrah bersamaan 25 September 1903 masih di Aurangabad, Hyderabad, Deccan, India. Anak bongsu daripada tiga orang adik beradik ini dilahirkan dalam keluarga yang dihormati dan terkenal sebagai seorang pemimpin.

Dalam autobiografi, al-Mawdudi menyebutkan bahawa beliau berketurunan daripada keluarga Rasulullah dan di India keturunan ini dikenali dengan "Sadat" (Syed Asad Gilani, : 22). Keluarga al-Mawdudi pernah berkhidmat dengan dinasti Mughal dan rapat dengan istana khususnya pada masa pemerintahan Bahadur Shah Zafar, pemerintah terakhir dinasti itu. (Syed Vali Reza Nasr, 1995: 99).

Al-Mawdudi mendapat pendidikan awal di rumah melalui kedua ibubapanya. Bapanya yang sudah mengenali kebudayaan Barat di India tidak membiarkan anaknya belajar di sekolah Inggeris walaupun ia menjadi kebanggan di kalangan orang kenamaan waktu itu (Maryam Jemeelah, 1973: 1). Al-Mawdudi kemudian telah dimasukkan ke sekolah tinggi iaitu *Madrasah Fawqaniyyah* yang menggabungkan pendidikan tradisional dan moden. Setelah tamat beliau kemudian menyambung pelajaran di Dar al-Ulum di Hyderabad. Beliau terus belajar di sini hingga bapa kesayangannya meninggal sewaktu beliau berumur 16 tahun. Selain mengetahui bahasa ibunda iaitu Urdu, al-Mawdudi juga mahir dalam bahasa Arab, Parsi dan Bahasa Inggeris. Pembelajaran bahasa ini didorong oleh minat dan keinginan beliau sendiri. (Khurshid Ahmad, 1979: 360)

Akibat daripada terganggu dengan pendidikan formal, al-Mawdudi mencebur bidang penulisan dan kewartawanan. Penglibatan dalam kerjaya ini juga untuk menampung kehidupan hariannya. Pada 1918 beliau diberi kepercayaan untuk memimpin akhbar Urdu. Pada 1920 ketika berumur 17 tahun, beliau telah dilantik menjadi pengarang akhbar tempatan, *Taj* yang diterbitkan di Jabalpure. Pada akhir tahun yang sama, al-Mawdudi pergi ke Delhi kerana menerima tawaran pengarang kepada majalah *Muslim* (1921-23). Beliau juga turut menyumbang penulisan dalam *al-Jami'at* (1925-27). Kedua-dua itu merupakan organ utama *Jam'iyyat Ulama-i Hind*. Di bawah kelolaan al-Mawdudi, al-Jam'iyyat menjadi surat khabar utama orang Islam India (Khurshid Ahmad: 361).

Al-Mawdudi meninggalkan kerjaya tersebut pada tahun 1927 apabila dirinya sakit dan pulang ke pangkuhan keluarga di Aurangabad selama dua tahun. Beliau kemudian kembali semula ke Delhi dan tinggal sehingga tahun 1932. Beliau kemudian pergi ke Hyderabad dan mula menerbitkan jurnal yang sangat intim dengan dirinya iaitu *Turjuman al-Qur'an* (Maryam Jemeelah, 1973: 2). Al-Mawdudi meninggal dunia di New York pada 22 September 1979.

c. Malek Bin Nabi

Dilahirkan dalam keluarga daif di Constantine utara, Algeria pada 1905. Beliau satu-satunya anak lelaki daripada empat orang adik beradik terpaksa mengharungi kesusahan hidup berikut bapanya meninggal semasa beliau masih kecil. Bebekalkan semangat serta dorongan daripada ibu dan neneknya, Malek Bin Nabi meneruskan hidup dengan menumpukan perhatian kepada pelajaran dengan bersungguh-sungguh. Memandang Algeria menerima pengaruh Perancis, Malek Bin Nabi mendapat pendidikan dalam dua aliran iaitu Perancis dan Arab (Malek Bin Nabi: 1).

Semasa Perang Dunia Pertama Malek Bin Nabi berusia sembilan tahun. Walaupun masih kecil tetapi mampu mengingati dan merasai kesan perang tersebut. Dalam keadaan ini beliau berpindah mengikuti ibu dan neneknya dari Constantine ke Tripoli dan kembali semula ke Constantine. Pada 1921 beliau memasuki madrasah dan menjadi murid yang cemerlang di kalangan kawan-kawannya. Pada masa ini beliau turut berhubung dengan beberapa orang guru disamping menggabungkan diri dalam tarikat. Dalam proses pembentukan pemikiran, beliau amat berminat dengan karya-karya pemikir dan reformis Islam seperti *Risalat al-tawhid* Muhammad Abduh, *al-Manar* Muhammad Rashid Rida dan *Umm al-Qura* Abd al-Rahman al-Kawakibi (Fawzia Barium 1993: 73-74). Melalui tulisan tersebut pemikiran islah mempengaruhi diri dan pemikiran Malek Bin Nabi.

Malik Ben Nabi seorang murid yang pintar. Walaupun beliau dipinggirkan di kalangan guru dan kawan-kawan, namun beliau mampu memperolehi keputusan yang cemerlang. Pada tahun 1925 tamat pengajian dalam usia 20 tahun. Selepas tamat belajar beliau bekerja. Namun itu tidak dapat memuaskan hatinya. Pada masa ini juga beliau menghadapi pelbagai peristiwa. Kebangkitan rakyat Algeria melawan Perancis. Beliau meninggalkan Algeria menuju Perancis. Untuk menyara hidup, beliau bekerja dalam pelbagai lapangan.

Beliau pergi ke Perancis. Walaupun hidup dalam negara maju dan berteknologi tinggi, namun ia tidak mempengaruhi pemikiran dan cara hidup beliau, malah keadaan itu membuat dirinya bertambah sedar akan tamadun barat dan berusaha membebaskan diri daripadanya (Asama Rashid 1991:1). Pada tahun 1930 beliau berjaya memasuki pengajian kejuruteraan dan berjaya mendapat Ijazah dalam bidang kejuruteraan Elektrik pada tahun 1935. Kemudian beliau berkahwin dengan gadis Perancis yang sangat memahami diri Malek Bin Nabi.

Pada masa ini juga berlaku kebangkitan rakyat Algeria melawan Perancis. Malek Bin Nabi turut berperanan dalam kebangkitan tersebut dengan mengadakan perancangan dan bantuan. Beliau kembali ke Mesir dan bertindak sebagai pendorong dan pelindung pemimpin pejuang Algeria. Malek Bin Nabi menulis beberapa buah buku untuk membangkitkan kesedaran masyarakat Islam terhadap pembangunan kehidupan mereka. Antara buku tersebut seperti *al-Zahirah al-Qur'aniyyah* (Fenomena al-Qur'an), *Labbayk* (tentang Haji), *Syurut al-Nahdah* (Syarat-syarat Kebangkitan, *Wijhat al-A'lam al-Islami* (Trend Dunia Islam) dan *al-Fikrah al-Ifriqiyah al-Asiawiyah* (Gagasan Asia-Afrika) (Malik Bin Nabi 1994: 5)

Malek Bin Nabi mejadikan keilmuan sebagai syarat pembangunan. Gesaan ini dinyatakan dalam karya berjudul "Musykilat al-thaqafah" atau permasalahan intelektual. Buku ini diterjemah ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Melayu.

Pada 1963 Malek Bin Nabi pulang ke Algeria dan dilantik sebagai Pengarah Pendidikan Tinggi. Di negeri kelahirannya ini beliau mengarang beberapa buah buku seperti *Afaq al-Jaziriyyah* dan *Yawmiyyat Shahid al-Qur'an*. Pada tahun 1967 Malek Bin Nabi meletak jawatan dan menggunakan masa yang ada untuk kegiatan pemikiran serta aktiviti keilmuan. Beliau meninggal dunia di Algeria pada 1973 (Malik Bin Nabi 1994: 5).

PERMASALAHAN UMAT ISLAM

Ketiga-tiga tokoh di atas telah mengungkap idea dan konsep pembangunan melalui karya-karya yang dihasilkan. Melalui karya-karya tersebut jelas bahawa mereka prihatin dengan persoalan pembangunan umat Islam dan menyarankan beberapa cabaran dan strategi yang perlu dihadapi umat Islam dalam usaha mencapai pembangunan yang menyeluruh dan mampu mengatasi pembangunan bangsa lain.

Umat Islam telah mengecapi pembangunan dan mencapai kegemilangan selama lima abad bermula abad ke-7 hingga abad ke-12 masih. Dalam tempoh tersebut pelbagai pembangunan telah dicapai sama ada dalam

keilmuan, seni bina, ekonomi dan politik. Pusat-pusat tamadun Islam telah muncul di Baghdad, Kaherah, Andalus, Damsyik, Anatolia dan India. Selepas menikmati zaman tersebut Malek Bin Nabi menggambarkan umat Islam berada dalam keadaan tidur (Malek Bin Nabi 1994: 53). Justeru itu mereka tidak boleh terus dibiarkan dalam ketiduran. Mereka perlu dibangkit dan perkara pokok untuk membangkitkan masyarakat menurut Malek Bin Nabi ialah peradaban. Peradaban terbentuk dari akidah yang kukuh berseumberkan al-Quran dan al-Sunnah (Malek Bin Nabi 1994: 56).

Al-Mawdudi juga menggesa umat Islam supaya menoleh kepada sejarah yang telah mempar peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada umat Islam. Beliau mengaitkan peristiwa paling penting dan banyak memberi pengajaran ialah Penjajahan wilayah Islam pada abad ke-19 M. Sejak peristiwa tersebut umat Islam belum mampu bangkit apa lagi untuk membebaskan diri dari penjajahan tersebut (al-Mawdudi 1984: 4).

Dilema penjajahan ke atas umat Islam menjadi persoalan pokok yang perlu diperjuangkan oleh Umat Islam. Al-Mawdudi dalam karyanya “*Waqi’ al-Muslimin*” menegur situasi masyarakat Islam dewasa ini yang hilang pedoman. Amalan beragama yang sambil lewa, pendidikan disedia hanya untuk golongan kaya dan masalah moral yang berterusan (al-Mawdudi 1984 :7-9)

Lanjutan daripada keadaan tersebut, sikap ahli agama telah ditegur kerana tiada usaha yang padu untuk mengeluarkan masyarakat dari belenggu kejahilan. Para ahli agama tidak saling membantu menangani masalah berjuta umat Islam. Ahli agama lebih gemar menangani masalah kecil dan tidak penting dan disebar kepada masyarakat sementara masalah pokok dan lebih penting dibenamkan sedalam-dalamnya. Mereka bergelut mempertahankan falsafah Yunani sedangkan kitab Allah dan Sunnah Rasul tidak diberi perhatian dalam kajian-kajian mereka. Keadaan ini berlanjutan hingga kepada amalan agama. Masyarakat melaksanakan amalan agama dalam ruang yang sempit dan terbatas dan akibatnya wawasan umat Islam makin beretambah sempit. (al-Mawdudi :11-12)

Umat Islam juga terperangkap dalam permasalahan moral yang serius. Persoalan moral tersebut bukan sekadar terlibat dengan gejala maksiat yang berleluasa, tetapi permasalahan moral yang paling besar ialah mengagongkan unsur-unsur jahiliah dalam kehidupan harian. Malek Bin Nabi menyamakan persoalan ini dengan fahaman keberhalaan. Beliau menganggap kebodohan juga termasuk dalam keberhalaan sebab keberhalaan tidak mengutamakan pemikiran tetapi mendirikan patung-patung. Dengan demikian amatlah bertepatan bahawa bangsa premitif sahaja yang menyembah berhala. Suasana ini bukan hanya berlaku di kalangan bangsa Arab malah turut dialami oleh bangsa-bangsa lain (Malek Bin Nabi 1994: 58).

Al-Mawdudi mengungkapkan persoalan moral dengan maruah atau jati diri sesebuah masyarakat. Moral yang berkaitan dengan akhlak dan maksiat mudah diperbaiki tetapi moral yang berkaitan dengan sikap dan maruah suatu yang sukar untuk diubah dan memberi kesan buruk kepada masyarakat. Beliau mengkritik kakitangan sesebuah jabatan, anggota tentera dan mahasiswa yang bekerja dan menurut semua perintah ketua tanpa mempedulikan arahan dan perintah tersebut bercanggah dengan prinsip dan maruah diri. Al-Mawdudi juga tidak ketinggalan mengkritik para ulama yang –tidak menafikan para ulama yang memiliki moral yang terpuji- yang dilantik menduduki pelbagai jabatan yang menurut segala kemauhan penguasanya. Menggunakan agama sebagai senjata memperoleh segala kekayaan. Kepakaan agama terlalu nipis hingga tiada usaha untuk menyelesaikan kemungkar yang melanda masyarakat bawahannya (al-Mawdudi :16-17).

Di kalangan pemimpin masyarakat atau golongan kelas menengah lebih terpesona dengan budaya dan kemajuan Barat. Segala apa yang ada pada Barat semuanya indah dan mereka ini mengimport seratus peratus budaya dan kemajuan Barat dalam kehidupan sehari-hari. Sayyid Qutb yang pernah berada di Amerika Syarikat tidak dapat menerima budaya kehidupan negara yang dikatakan maju itu. Sayyid Qutb menganggap segala apa yang dimiliki oleh Barat adalah kosong meskipun kelihatan kuat dan kehidupan yang mewah. Malah menurut Sayyid Qutb, pihak Barat juga memerlukan kepada orang Islam untuk membebaskan diri daripada kehidupan yang alfa itu (Sayyid Qutb 1978: 12).

SARANAN PEMBANGUNAN SOSIAL

Semua pihak bertanggungjawab membangunkan sosial dengan sebaik mungkin selaras dengan sifat manusia yang secara tabiatnya sebaik makhluk membangun. Namun dalam usaha pembangunan itu perlu ada tujuan dan panduan yang jelas. Pembangunan tanpa matlamat dan perancangan akan membawa

kegagalan dan kepincangan. Daripada beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga tokoh di atas jelas bahawa masyarakat Islam berada dalam situasi yang mencemaskan. Mereka amat perlu kepada agenda pembangunan yang bersepada. Beberapa perlu digembeling bersama secara padu agar umat Islam tidak terus berada dalam situasi yang lebih parah.

Ketiga-tiga tokoh di atas telah mencadangkan beberapa langkah dan panduan yang perlu disegerakan agar kebangkitan semula umat Islam menjadi lebih pantas. Persoalan-persoalan sampingan remeh perlu diketepikan. Dalam situasi ini Sayyid Qutb setelah membincangkan tentang kelunturan umat Islam terhadap amalan beragama mencadangkan supaya persoalan tersebut perlu disegerakan. Beliau menjelaskan idea tersebut dalam bukunya “*Ma‘alim fi al-tariq*” atau Petunjuk Sepanjang Jalan. Idea utama dalam buku ini ialah pembentukan Generasi al-Qur'an. Beliau optimis jika generasi ini dapat diwujudkan umat Islam akan bangkit dan mampu memimpin dunia ini. Menurut beliau lagi, tidak ada apa yang perlu dibanggakan dengan kemajuan Barat. Ini kerana mereka mengabaikan suatu tuntutan penting dalam perlumbaan membina kemajuan iaitu ‘nilai agama’ yang menjadi tonggak kemajuan dan keunggulan sesuatu bangsa (Sayyid Qutb 1982:5)

Persoalan kedua yang membelenggu umat Islam ialah intelektual. Hampir keseluruhan kayra Malek Bin Nabi menyentuh masalah intelektual umat Islam, antara karyanya yang menyentuh secara langsung persoalan ini ialah “*Musykilat al-thaqafah*” atau Persoalan intelektual. Menurut beliau persoalan intelektual bukan hanya menyangkut berkaitan bidang pengajian dan kurikulum. Apa yang penting ialah persoalan keupayaan pemikiran dalam mengungkap, menangani dan menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan masyarakat. Beliau menambah lagi bahawa tidak mungkin suatu bangsa mampu memahami dan memecah masalah-masalah jika pemikirannya tidak jelas (Malek Bin Nabi 1994: 51).

Saranan penting ke arah pembangunan masyarakat Islam ialah sikap dan kecenderungan terhadap kemajuan Barat. Al-Mawdudi, Malek Bin Nabi dan Sayyid Qutb membicarakan dengan terperinci tentang tamadun Barat dan kesemuanya pernah merasai kehidupan dalam kemajuan tersebut. Namun ketiga-tiga tokoh tersebut menolak Barat sebagai “Benchmark” kepada kebangkitan umat Islam. Malah Malek Bin Nabi dengan nada sinis menyatakan bahawa “Umat Islam sedang sakit, kemudian masuk hospital peradaban Barat untuk diobati” (Malek Bin Nabi 1994: 69) Adakah sesuai rawatannya atau sembuhkah penyakit tersebut?

KESIMPULAN

Perbincangan di atas mengungkapkan persoalan besar yang berlaku ke atas masyarakat Islam. Dalam ruang yang terhad ini ia tidak mampu menggarap semua persoalan dan bersifat umum konteksnya. Apa yang penting ialah beberapa formula dan agenda yang boleh dijadikan panduan untuk sama-sama membangunkan masyarakat yang dianggap berada dalam persimpangan. Persoalan-persoalan seperti amalan keagamaan, keintelektualan dan moral amat relevan dengan suasana masyarakat Islam dewasa ini.

Tokoh-tokoh yang dibicarakan, Sayyid Qutb, al-Mawdudi dan Malek Bin Nabi amat penting untuk dikaji dan diselongkari pemikiran mereka kerana mereka hidup dalam situasi yang mencabar kehidupan dan pemikiran. Kekentalan mereka yang tidak dipengaruhi unsur pembedahan dan pembaratan perlu dicontohi oleh pemikir dan ulama dewasa ini. Kritikan mereka terhadap golongan tertentu seperti ulama lantaran kelesuan menangani masalah sosial umat Islam perlu dilihat sebagai kesungguhan mereka untuk memartabatkan status ulama yang mulia di sisi Allah dan paling rapat dalam konteks menyelesaikan masalah masyarakat. Ulama juga menjadi model terbaik kepada masyarakat untuk mengubah kehidupan masyarakat daripada kealpaan kepada kehidupan yang keimanan dan ketaqwaan.

RUJUKAN

- Abu al-A'la al-Mawdudi. 1984. *Kemerosotan Umat Islam dan Upaya Pembangkitannya*. Bandung: Penerbit Pustaka
- Fawzia Barium. 1993. *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: ABIM
- Haddad, Yvonne Y. 1983. Sayyid Qutb: Ideologue of Islamic Revival. Dalam Esposito L John (edit.) *Voices of Resurgent Islam*. New York : Oxford University Press.
- Ibn Khaldun. T.th. *Muqaddimah*. Iskandariah : Dar Ibn Khaldun
- Kashmiri, Sayyid Bashir Ahmad. 1994. *Abqariy al-Islam Sayyid Qutb al-Adib al-Imlaq wa al-Mujaddid al-Mulhim*. Keherah: Dar al-Fadilah.
- Khurshid Ahmad and Zafar Ishaq Ansari. Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi: An introduction to his vision of Islam and Islamin revival. Dalam Khurshid Ahmad & Zafar Ishaq Ansari (edit.) *Islamic Perspectives: Studies in honour of Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Malek Bin Nabi. 1994. *Membangun Dunia Baru Islam*. Bandung: Penerbit Mizan
- Sulaiman, al-Ishmawi Ahmad. 1969. *Al-'Alim al-Rabbani al-Shahid Sayyid Qutb*. Tt.:tp
- Tripp, Chales. 1995. Sayyid Qutb: The Political Vision. Dalam Ali Rahnama (edit.) *Pioneers of Islamic Revival*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Maryam Jameelah. 1973. *Who is Maududi?*. Lahore Pakistan: Mohammad Yusuf Khan.
- Sayyed Vali Reza Nasr. 1995. Mawdudi and the Jama'at-I Islami: The origins, theory and practice of Islamic revivalism. Dalam Ali Rahnema. *Pioneers of Islamic Revival*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Sayyed Vali Reza Nasr. 1996. *Mawdudi and the making of Islamic Revivalism*. New York: Oxford University Press.
- Syed Asad Gilani. 1984. *Maududi: Thought & movement*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Qutb, Sayyid. 1978. *Masyarakat Islam*. Mu'ti Nurdin (terj.) Bandung: Yayasan al-Tawfiq & PT al-Mama'rif.